

26/09/1997

Dr Mahathir tiba di Havana

Manja Ismail in Havana

HAVANA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Jose Marti di sini petang ini untuk memulakan lawatan rasmi empat hari ke Cuba, kunjungan pertama beliau atas undangan Presidennya, Fidel Castro.

Ketibaan Perdana Menteri yang turut disertai empat menteri, tiga menteri besar, pegawai kanan kerajaan, beberapa ahli Parlimen dan 70 ahli perniagaan dengan pesawat khas Boeing 747, disambut oleh Menteri Luar Cuba, Roberto Robaina.

Menteri yang menyertai rombongan itu ialah Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh; dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa.

Turut serta ialah Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Rombongan ahli perniagaan diketuai Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli.

Lawatan rasmi pertama Dr Mahathir ke negara komunis ini dianggap penting dalam mengukuhkan hubungan Selatan-Selatan yang dipelopori sendiri oleh beliau sejak menjadi Perdana Menteri.

Sama seperti Malaysia, Cuba ialah anggota Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Kumpulan 15 Negara Membangun (G15).

Malah, Castro adalah antara orang penting NAM di awal penubuhannya bersama Presiden Sukarno dan beberapa pemimpin Afrika.

Walaupun dikenakan sekatan ekonomi oleh Amerika Syarikat sejak peristiwa Bay of Pigs 35 tahun lalu dan berakhir Perang Dingin yang menyaksikan kejatuhan Soveit Union dan perubahan dasar China, Cuba terus kekal dengan fahaman komunisnya.

(END)